

**PENYATA PENDEDAHAN PRODUK /  
PRODUCT DISCLOSURE SHEET**



**BANK SIMPANAN NASIONAL**

Sila baca dan fahami Penyata Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil **BSN MyRinggit-i**. Sila pastikan anda juga membaca terma-terma di dalam Surat Tawaran dan/atau Terma dan Syarat di dalam laman web [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my). Dapatkan penjelasan daripada BSN jika anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma-terma amnya.

*Read this Product Disclosure Sheet before you decide to take **BSN MyRinggit-i**. Be sure to also read the terms in the Letter of Offer and/or the Terms and Conditions in [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my) website. Seek clarification from BSN if you do not understand any part of this document or the general terms.*

**BSN MyRinggit-i**

Tarikh / Date : \_\_\_\_\_

Untuk diisi oleh Eksekutif Kewangan / Wakil  
Cawangan / To be filled in by Financial Executive /  
Branch Representative

**1. Apakah produk ini? / What is this product about?**

Ini adalah pembiayaan peribadi tidak bercagar / bercagar yang dikira berdasarkan kadar tetap / terapung. / *This is an unsecured / secured personal financing calculated on a fixed / floating rate basis.*

**2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai untuk pembiayaan ini? / What is the Shariah concept applicable?**

- Konsep Syariah yang diguna pakai bagi produk ini adalah Tawarruq (Murabahah Komoditi) yang melibatkan dua kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tangguh. Seterusnya, pembeli bagi urusaniaga penjualan yang pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan serta-merta. / *The Shariah concept used is Tawarruq (Commodity Murabahah) where a Tawarruq consists of two sale and purchase contracts. The first involves the sale of an asset by a seller to a purchaser on a deferred basis. Subsequently, the purchaser of the first sale will sell the same asset to a third party on a cash and spot basis.*
- Konsep Tawarruq ini juga melibatkan kontrak Wakalah (Perwakilan) dengan menggunakan struktur 'dwi-wakil' yang merangkumi : / *The Tawarruq concept also involves Wakalah contract (Agency) which adopts a 'dual-agency' arrangement, whereby involves the followings :*
  - Perlantikan Bank sebagai wakil Pelanggan untuk menyempurnakan pembelian komoditi secara Murabahah daripada Bank. / *The appointment of the Bank who acts as an agent on behalf of the customer to conclude the purchase of the commodity from the Bank on a Murabahah basis.*
  - Perlantikan Bank sebagai wakil Pelanggan untuk menjual komoditi kepada pihak ketiga. / *The appointment of the Bank who acts as an agent to sell the commodity on behalf of the customer to a third party.*

**3. Apa yang boleh saya perolehi dari produk ini? / What do I get from this product?**

<b>Jumlah Pembiayaan / Financing Amount</b>	Minimum / <i>minimum</i> : RM5,000 Maksimum / <i>maximum</i> : RM400,000  (Jumlah pembiayaan yang diluluskan adalah bergantung kepada penilaian kredit oleh pihak Bank / <i>The final financing amount approved will be based on the Bank's credit evaluation.</i> )
<b>Tempoh Pembiayaan / Financing Tenure</b>	1 - 10 tahun / <i>1 - 10 years</i>

Anda boleh memilih sama ada Kadar Tetap atau Kadar Terapung / *You may opt for either Fixed Rate or Floating Rate:*

Bil. / No.	Butiran / <i>Details</i>	Kadar Tetap / <i>Fixed Rate</i>	Kadar Terapung / <i>Floating Rate</i>
1	Kadar Keuntungan (setahun) / <i>Profit Rate (per annum)</i>	3.00% sehingga 8.50% / <i>3.00% to 8.50%</i>	KAS + 2.60% sehingga KAS + 5.85% / <i>SBR + 2.60% to SBR + 5.85%</i>
2	Kadar Keuntungan Efektif (setahun) / <i>Effective Profit Rate (per annum)</i>	5.40% sehingga 15.30% / <i>5.40% to 15.30%</i>	5.35% sehingga 8.60% / <i>5.35% to 8.60%</i>
3	Kaedah Pengiraan Keuntungan / <i>Profit Calculation Method</i>	<i>Sum of Digit</i>	Asas Baki Bulanan / <i>Monthly Rest</i>
4	Kadar Asas Standard (KAS) BSN semasa (setahun) / <i>Current BSN Standardised Base Rate (SBR) (per annum)</i>	-	2.75% (berkuat kuasa 17 Julai 2025) / <i>2.75% (effective 17 July 2025)</i>
5	Kadar Untung Dipersetujui (setahun) / <i>Contracted Profit Rate (per annum)</i>	-	15.00% (tertakluk kepada perubahan) / <i>15.00% (subject to change)</i>

Nota / *Note:*

- Tambahan 1% setahun ke atas kadar keuntungan di atas untuk Pembiayaan tanpa Takaful (jika berkenaan) / *Additional 1% per annum from the above profit rate for Financing without Takaful (if applicable)*
- Sekiranya permohonan pembiayaan adalah bagi tujuan bertindih / penyatuan Hutang pembiayaan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sedia ada, pihak Bank boleh mengenakan kadar keuntungan yang lebih tinggi daripada kadar yang telah dikenakan oleh PTPTN. / *If the financing application is for the purpose of overlap / debt consolidation of an existing Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) financing, the Bank may charge higher profit rate than the rate which has been charged by PTPTN.*


**4. Apakah yang dimaksudkan dengan Kadar Asas Standard (KAS)? / What is Standardised Base Rate (SBR)?**

KAS yang kami tawarkan bagi produk ini adalah berdasarkan kadar penanda aras yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Kadar penanda aras pada masa kini ditetapkan mengikut Kadar Dasar Semalaman (OPR), yang mencerminkan pendirian dasar monetari seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia. / The SBR we offer on this product is based on the benchmark rate specified by Bank Negara Malaysia. The benchmark rate is currently set as the Overnight Policy Rate (OPR), which reflects the monetary policy stance as decided by the Monetary Policy Committee of Bank Negara Malaysia.

**5. Apakah senario yang mungkin menyebabkan perubahan pada Kadar Asas Standard (KAS)? / What are possible scenarios to trigger a change in the Standardised Base Rate (SBR)?**

KAS boleh meningkat atau menurun disebabkan oleh perubahan pada kadar penanda aras, iaitu perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (OPR). / The SBR can rise or fall due to changes in the benchmark rate, i.e., changes in the Overnight Policy Rate (OPR).

**6. Sejarah Kadar Asas Standard (KAS) dalam masa 3 tahun / Historical Standardised Base Rate (SBR) for the past 3 years**



Nota / Note:

- i. Untuk siri sejarah yang lebih panjang, sila rujuk laman web kami. / For a longer historical series, please refer to our website.
- ii. KAS diperkenalkan pada 1 Ogos 2022. Garis putus-putus menunjukkan siri sejarah OPR yang merupakan penanda aras KAS. / The SBR was introduced on 1 August 2022. The dotted line shows the historical series of the OPR, which is the benchmark of the SBR.

**7. Apakah tanggungjawab saya? What are my obligations?**

<b>Jumlah ansuran bulanan / Monthly instalment amount</b>	Jumlah ansuran bulanan dikira mengikut formula berikut / The monthly instalment is calculated in accordance to the following formula:	
	<b><u>Kadar Tetap / Fixed Rate:</u></b>  $((P \times R \times T) + P) \div t$	<b><u>Kadar Terapung / Floating Rate:</u></b>  $\frac{[P / 1200 \times (1+R^{(12 \times T)])]}{[(1 + R/1200)^{12 \times T} - 1]}$
	Di mana / Where: P = Jumlah Pembiayaan yang diluluskan / Financing Amount Approved R = Kadar Keuntungan setahun / Profit rate per annum T = Tempoh Pembiayaan (tahun) / Tenure of facility (years) t = Tempoh Pembiayaan (bulan) / Tenure of facility (months)	

Jadual di bawah menunjukkan simulasi jumlah ansuran bulanan yang perlu dibayar / The table below shows the simulation of monthly instalment payable:

<b>Jumlah Pembiayaan / Financing Amount</b>	RM100,000
<b>Tempoh Pembiayaan / Financing Tenure</b>	10 tahun / 10 years

• Kadar Tetap (Ilustrasi) / *Fixed Rate (Illustration)* :

3.00% setahun / 3.00% per annum

Jumlah ansuran bulanan / <i>Monthly instalment</i>	RM 1,084
Jumlah keseluruhan bayaran di akhir tempoh Pembiayaan 10 tahun / <i>The total payment amount at the end of 10 years</i>	RM 130,000
Jumlah keseluruhan kos keuntungan di akhir tempoh Pembiayaan 10 tahun / <i>The total profit cost at the end of 10 years</i>	RM 30,000

• Kadar Terapung (Ilustrasi) / *Floating Rate (Illustration)*:

KAS + 2.60% setahun / SBR + 2.60% per annum

Penting / *Important*:

Ansuran bulanan, jumlah keseluruhan bayaran, dan jumlah keseluruhan kos keuntungan akan berbeza jika terdapat perubahan KAS. / *The monthly instalment, total payment amount and total profit cost will vary if the SBR changes.*

Kadar / <i>Rate</i>	Semasa (KAS = 2.75% setahun) / <i>Current (SBR = 2.75% per annum)</i>	Jika KAS naik 1% setahun / <i>If SBR goes up 1% per annum</i>	Jika KAS naik 2% setahun / <i>If SBR goes up 2% per annum</i>
Ansuran bulanan / <i>Monthly instalment</i>	RM1,078	RM1,128	RM1,180
Jumlah keseluruhan bayaran di akhir tempoh pembiayaan [ 10 ] tahun / <i>Total payment amount at the end of [ 10 ] years</i>	RM129,336	RM135,337	RM141,459
Jumlah keseluruhan kos keuntungan di akhir tempoh pembiayaan [ 10 ] tahun / <i>Total profit cost at the end of [ 10 ] years</i>	RM29,336	RM35,337	RM41,459

Nota / *Note*:

Contoh di atas adalah untuk ilustrasi sahaja / *The above example is only for illustration*

**8. Apakah fi lain yang perlu saya bayar? What other fees do I have to pay?**

Bil. / <i>No.</i>	Jenis Fi / <i>Type of Fee</i>	Butiran / <i>Details</i>
1.	Duti Setem / <i>Stamp Duty</i>	Seperti yang termaktub dalam Akta Setem 1949 (Pindaan 1989) / <i>As per the Stamp Act 1949 (Revised 1989)</i>
2.	Sumbangan Perlindungan Takaful (pilihan) / <i>Takaful contribution coverage (optional)</i>	Berubah berdasarkan umur / tempoh / jumlah pembiayaan / <i>May vary based on age / tenure / financing amount</i>
3.	Fi Wasiat (jika ada) / <i>Wasiat Fee (if any)</i>	RM500
4.	<b>Bil. / <i>No.</i></b>	<b>Perkara / <i>Items</i></b>
	1.	Lantikan Bank sebagai Ejen Pembeli / <i>Bank's appointment as Purchase Agent</i>
	2.	Lantikan Bank sebagai Ejen Penjual / <i>Bank's appointment as Sale Agent</i>
	3.	Jumlah / <i>Total</i>
		RM30 akan diambil dari amaun pembiayaan semasa pengeluaran pembiayaan kepada Pelanggan / <i>RM30 will be deducted from financing amount upon disbursement to the customer</i>
5.	Ikhlas Group PA Takaful (pilihan / optional)	RM540

Nota / *Note*:

Semua fi adalah dengan sekali pembayaran sahaja dan akan ditolak dari amaun Pembiayaan / *All fees are one-off payment only and will be deducted from the financing amount*

## 9. Apakah implikasi sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya? / What if I fail to fulfil my obligations?

- Caj Bayaran Lewat berdasarkan kepada Ta'widh (gantirugi) akan dikenakan seperti di bawah / Late Payment Charges based on Ta'widh (compensation) will be imposed as below:

<b>Dalam tempoh pembiayaan / Within the Facility Period</b>	Caj Lewat Bayar tidak melebihi 1% setahun akan dikenakan ke atas amaun ansuran bulanan yang tertunggak sekiranya anda gagal membayar mana-mana bayaran ansuran bulanan dalam tempoh yang ditetapkan dari tarikh bermulanya pembiayaan dikeluarkan sehingga tarikh matang pembiayaan / Late Payment Charges (LPC) not exceeding 1% per annum will be imposed on the overdue monthly instalment payment in the event you fail to pay any monthly instalment within the stipulated period from the first disbursement of the financing until its maturity date.
<b>Setelah tamat tempoh pembiayaan / After the Facility Period :</b>	Kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM) akan dikenakan atas kegagalan membayar keseluruhan jumlah baki tertunggak selepas tempoh matang atau selepas penghakiman diperolehi, yang mana terdahulu. / Prevailing daily overnight Islamic Interbank Money Market (IIMM) rate will be charged for failure to pay the total outstanding balance after maturity or upon judgment obtained, whichever earlier.

Nota / Note: \*IIMM - Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam merujuk kepada kadar yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa. / \*IIMM - Islamic Interbank Money Market refers to the rate as may be determined by Bank Negara Malaysia (BNM) from time to time.

- Sekiranya anda gagal membayar tiga (3) bulan ansuran bulanan secara berturut-turut atau mana-mana terma lain yang ditetapkan oleh pihak Bank atas budi bicara mutlaknya, pihak Bank berhak untuk mengurangkan ibra' di mana Kadar Keuntungan akan diubah kepada Kadar Mungkir yang mana akan dikira ke atas baki prinsipal pembiayaan berkuat kuasa serta-merta pada tarikh berikutnya selepas kemungkiran tersebut. Walau bagaimanapun, Kadar Mungkir tidak akan melebihi Kadar Untung Dipersetujui. (jika berkenaan) / Should you fail to pay the instalment for three (3) consecutive months or such other term as the Bank may stipulate at its absolute discretion, Bank reserve the right to reduce the Ibra' whereby the profit rate shall be revised to Default Rate which is to be calculated on the principle balance of the facility effective immediately after the date of default until expiry of the facility period. However, Default Rate shall not exceed the Contracted Profit Rate (CPR). (if applicable)
- Pihak Bank berhak membuat tolakan mana-mana baki kredit dalam mana-mana akaun anda di Bank untuk menyelesaikan sebarang baki tertunggak tertakluk kepada notis awal diberikan kepada anda tujuh (7) hari sebelum tolakan dilaksanakan. / The Bank has the right to set-off any credit balance in your account(s) maintained with the Bank against any outstanding balance in this financing account which the Bank will notify you in seven (7) calendar days in advance.
- Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal untuk bertindak balas terhadap notis peringatan dan kos guaman akan ditanggung oleh anda. / Legal action will be taken if you fail to respond to reminder notices and the legal cost will be borne by you.
- Tindakan undang-undang terhadap anda memberi kesan kepada rekod kredit anda yang akan menyebabkan kemudahan kredit anda menjadi lebih sukar pada masa akan datang. / Legal action against you may affect your credit rating leading to credit being more difficult or expensive to you.

## 10. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tarikh matang? / What if I fully settle the financing before its maturity?

- Penjelasan awal dibenarkan pada bila-bila masa dengan mengemukakan notis secara bertulis kepada Bank. / Early settlement is allowable at any time by giving written notice to the Bank.
- Bank akan memberikan Ibra' (rebat) kepada anda bagi penjelasan awal dalam keadaan-keadaan berikut / The Bank shall grant Ibra' (rebate) to the customer where there is :
- Penjelasan awal pembiayaan; atau / Early settlement or for early redemption of the facility; or
- Penjelasan awal pembiayaan melalui cara penstruktur semula pembiayaan; atau / Early settlement of the financing due to financing restructuring exercise; or
- Penjelasan penuh sebelum tempoh matang setelah berlaku keingkaran oleh pelanggan; atau / Full settlement by Customer in the case of default; or
- Penjelasan awal oleh anda melalui penamatan atau pembatalan pembiayaan sebelum berlaku tempoh matang. / Early settlement by Customer in the event of termination or cancellation of financing before the maturity date.
- Ibra' dikira dengan formula berikut : Ibra' = Untung Belum Terakru - Caj Penjelasan Awal (jika ada). / The applicable formula for Ibra' = Deferred Profit - Early Settlement Charges (if any).
- Bank berhak untuk mengenakan apa-apa kos sebenar yang berbangkit akibat daripada penjelasan awal tersebut. / Bank reserves the rights to impose any actual cost incurred by the Bank as a result of the early settlement.

## 11. Adakah permohonan saya memerlukan penjamin atau cagaran? / Do I need a guarantor or collateral?

Pihak Bank berhak untuk meminta anda menyediakan penjamin / cagaran (sekiranya perlu). / The Bank reserves the right to request for a guarantor / collateral (if necessary).

**12. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya? / What do I need to do if there are changes to my contact details?**

Adalah sangat penting untuk anda memaklumkan kepada Bank secara bertulis atau melalui emel jika terdapat sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda. Ini bagi memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. / It is important that you inform us any changes in your contact details (in writing or email) to ensure that all correspondences reach you in the timely manner.

**13. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan atau maklumat lanjut? / Where can I get assistance and redress?**

Jika anda mempunyai kesukaran membuat pembayaran, anda perlu menghubungi pihak Bank dengan segera untuk membincangkan alternatif pembayaran. Anda boleh hubungi kami di: / If you have difficulties in making monthly payments, you should contact us earliest possible to discuss payment alternatives. You may contact us at:

**Pusat Perhubungan Pelanggan**

**Bank Simpanan Nasional**

**Tel: 1300 88 1900 / 03-2613 1900 (Luar Negara) / (Overseas)**

**Emel/Email: [customercare@bsn.com.my](mailto:customercare@bsn.com.my)**

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan Perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma berkaitan pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di: / Alternatively, you may seek the services of Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), an agency established by Bank Negara Malaysia to provide free services on money management, credit counselling and debt restructuring for individuals. You can contact AKPK at:

**Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**

**Tingkat 5 dan 6,**

**Menara Bumiputra Commerce,**

**Jln Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur**

**Tel: 03-2616 7766**

**Emel/Email : [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)**

Jika anda ingin mengemukakan aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi pihak bank di: / If you wish to complaint on the products or services provided by us, you may contact us at:

**Pusat Perhubungan Pelanggan**

**Bank Simpanan Nasional**

**Tel: 1300 88 1900 / 03-2613 1900 (Luar Negara) / (Overseas)**

**Emel/Email: [customercare@bsn.com.my](mailto:customercare@bsn.com.my)**

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan sepenuhnya oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK di: / If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK at:

**BNMLINK**

**Jabatan Komunikasi Korporat**

**Bank Negara Malaysia**

**P.O.Box 10922**

**50929 Kuala Lumpur**

**Tel: 1300 88 5465**

**Borang Web/Web Form: <https://bnmlink.bnm.gov.my/>**

**14. Di manakah saya boleh memperolehi informasi dengan lebih lanjut? / Where can I get further information?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai BSN MyRinggit-i, sila rujuk laman web [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my). / Should you require additional information on BSN MyRinggit-i, please refer to [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my) website.

**PENAFIAN / DISCLAIMER :**

Terma dan syarat di dalam Penyata Pendedahan Produk ini hanya sebagai maklumat dan tidak muktamad. Terma dan syarat yang muktamad adalah seperti yang ditetapkan dalam dokumen pembiayaan BSN MyRinggit-i selepas penilaian dan kelulusan pihak Bank/ The terms and conditions indicated in this Product Disclosure Sheet are tentative / indicative and not binding on the Bank. The final terms and conditions are as stipulated in the financing documents of BSN MyRinggit-i after financing approval.

Saya dengan ini telah membaca dan memahami terma dan syarat di atas / Hereby I have read and understand the terms and conditions above.

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Pelanggan / Customer's Signature

**CATATAN PENTING : TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIKENAKAN SEKIRANYA BERLAKU  
KEMUNGKIRAN DALAM PEMBAYARAN PEMBIAYAAN PERIBADI ANDA. /**  
**IMPORTANT NOTE : LEGAL ACTION MAY BE TAKEN AGAINST YOU IF YOU DO NOT KEEP UP PAYMENTS ON  
YOUR PERSONAL FINANCING.**

Semua maklumat yang diberikan dalam Penyata Pendedahan Produk ini adalah sah mulai 17 Julai 2025. / All information provided in this Product Disclosure Sheet is valid with effect from 17 July 2025.